



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
BLOK K, ARAS 2
PUSAT BANDAR DAMANSARA
PETI SURAT 12579
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033
Fax : 03-2095 6523
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : prot@kpkt.gov.my

() KPKT/BPK/19/7/4 Klt. 27

08 Disember 2009

-SIARAN AKHBAR-

KPKT CAPAI TARAF LIMA BINTANG KATEGORI WEB DAN PORTAL KERAJAAN

Kuala Lumpur, 08 Disember 2009 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah berjaya dinobatkan sebagai pemenang web dan portal kerajaan bertaraf lima bintang anjuran Perbadanan Pembangunan Multimedia Sdn Bhd. (MDeC) baru-baru ini.

Menurut Laporan Penilaian Web dan Portal Kerajaan 2009 yang dikeluarkan oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MdeC) mendapati hanya 7 kementerian termasuk KPKT berjaya mencapai taraf lima bintang atau 0.65 peratus daripada 1,192 Portal dan Laman Web kerajaan yang dipertandingkan.

Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Ahmad Haji Kabit berkata, saranan dan gesaan oleh Ketua Setiausaha Negara untuk melihat kejayaan pihak swasta membina sistem dalam talian mereka yang cekap dan

efektif boleh dijadikan asas kepada kementerian ini untuk terus unggul dan berjaya dalam membangunkan laman web dan portal kerajaan. Justeru katanya kementerian ini akan terus memaksimumkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi mencapai hasrat kerajaan agar penggunaan ICT ini dapat membolehkan pegawai dan anggota KPKT dapat melaksanakan tugas tanpa mengira waktu dan apabila diperlukan.

Sebagai contoh, Portal OSC KPKT telah dilancarkan oleh Y.Bhg. Tan Sri KSN pada 15 Januari 2008 sempena Seminar Penilaian Keberkesanan Pelaksanaan Inisiatif Baru Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan. Portal ini membolehkan pemohon boleh menyemak kedudukan permohonan dengan menggunakan nombor rujukan permohonan yang diperolehi dari kaunter OSC semasa permohonan didaftarkan.

Pemohon juga digalakkan berurusan sendiri dengan Jabatan/Agensi Teknikal yang masih belum memberikan ulasan teknikal dalam masa 14 hari bagi kawasan pemajuan yang ada Rancangan Tempatan, manakala 40 hari bagi yang tiada Rancangan Tempatan.

Kejayaan KPKT mencapai taraf lima bintang dalam penilaian web dan portal kerajaan 2009 ini akan menyuntik semangat semua anggota dipelbagai peringkat pengurusan agar terus berusaha meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian

khususnya dalam penggunaan ICT memandangkan ianya lebih bersifat inovatif ujarnya.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Kong Cho Ha. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Di keluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur. Tel: +60320992321, Faks: +60320956523; Email: pro@kpkt.gov.my; Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat jessy@kpkt.gov.my